



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENAWARAN BIASISWA IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
DI UNIVERSITI AWAM TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pada 19 Februari 2021 telah membuat hebahan penawaran program Biasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) yang akan dibuka secara dalam talian bermula 1 hingga 31 Mac 2021. Biasiswa ISMP ditawarkan sejak tahun 2012 (kecuali tahun 2017) kepada pelajar cemerlang di universiti awam yang sedang mengikuti pengajian pendidikan tahun pertama atau kedua dalam bidang tertentu. Pelajar ini kemudiannya akan dilantik menjadi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan ditempatkan di sekolah menengah KPM.

Penawaran biasiswa ISMP dibuat berdasarkan perancangan dan unjuran keperluan opsyen guru KPM bagi sekolah menengah dari tahun ke tahun. Pada tahun ini, KPM telah mengunjurkan sebanyak 28 mata pelajaran yang mempunyai keperluan di sekolah menengah KPM dan perlu diisi menjelang tahun 2025.

KPM telah menerima pertanyaan daripada pelbagai pihak berkaitan biasiswa ISMP untuk bidang Bahasa Tamil yang tidak ditawarkan pada tahun ini. Untuk makluman, biasiswa ISMP bidang Bahasa Tamil tidak ditawarkan bagi tahun ini kerana terdapat lebih guru dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah.

Walaupun bagaimanapun, unjuran KPM mendapati terdapat keperluan guru Bahasa Tamil di sekolah rendah menjelang tahun 2026. Bagi mengisi keperluan ini, KPM menerusi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) akan melaksanakan pengambilan pelajar bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bidang pengkhususan Bahasa Tamil bagi kemasukan September 2021.

KPM sentiasa memastikan penawaran tempat untuk sebarang program pengajian dibuat supaya bekalan guru memenuhi unjuran bidang keperluan KPM. Langkah ini juga bagi mengelak lambakan guru dan ketidakpadanan opsyen mata pelajaran.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
25 FEBRUARI 2021